

Kemudahan di pelabuhan perlu dipertingkatkan

ISKANDAR PUTERI 18 Jun - Pengendali pelabuhan di negara ini perlu merancang untuk mempertingkatkan operasi bagi memastikan mereka terus kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, langkah itu ekoran trend global ketika ini yang menyaksikan lebih banyak kapal berkapasiti besar dibina bagi meningkatkan jumlah kontena yang boleh diangkut pada satu-satu masa.

Menurut beliau, bagi membolehkan kapal bersaiz besar ini berlabuh, kemudahan di pelabuhan sedia ada perlu dipertingkatkan untuk menguruskan pelbagai aspek operasi.

"Kerajaan ambil maklum adanya keperluan agar pelabuhan sedia ada dibangunkan, dipertingkatkan dan diperluas agar dapat menampung kapasiti yang lebih besar untuk bersaing dengan negara jiran seperti Singapura dan Indonesia yang juga memiliki pelabuhan besar.

"Usaha ini perlu dilaksanakan dengan membawa masuk pelabur dan ini merupakan projek jangka masa panjang dan melibatkan banyak proses. Ini perlu dimulakan dari sekarang atau kita tidak boleh bersaing," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Menandatangani



ANTHONY LOKE SIEW FOOK (tengah) menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Ketua Pegawai Eksekutif Pelabuhan Tanjung Pelepas, **Marco Neelsen** (dua dari kiri) dan Lembaga Pengarah Terberg Tractors Malaysia, **Boo Wei Ching** (dua dari kanan) di Iskandar Puteri, semalam.

memorandum persefahaman (MoU) antara Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan syarikat pembekal traktor Terberg Tractors Malaysia (TTM) untuk membekalkan traktor pintar tanpa pemandu di pelabuhan itu.

Tambah beliau, pelabuhan di negara ini mempunyai kelebihan iaitu sudah dikenali di peringkat antarabangsa dan terletak di lokasi strategik yang berada pada laluan laut utama dunia.

Berkenaan program itu, Siew Fook berkata, langkah PTP

mengaplikasikan teknologi terkini dalam pengurusanannya merupakan penambahbaikan yang akan memastikan pelabuhan itu terus berdaya maju.

"Traktor pintar tanpa pemandu ini dijangka beroperasi dalam tempoh antara dua hingga lima tahun akan datang.

"Penggunaan teknologi ini memakan sedikit masa kerana transponder yang diguna pakai sedia terbina dalam traktor dan bukan dipasang di laluan atas jalan," katanya.